

ELEVATING ISLAMIC EDUCATION IN THE DIGITAL ERA THROUGH IBN KHALDUN'S THOUGHT

MELONJAKKAN PENDIDIKAN ISLAM MASA DEPAN MENGHADAPI ERA DIGITAL BERTERASKAN PEMIKIRAN IBNU KHALDUN

Mohd Mutawalli Sya'rawi Mohamad^{i*}, Mohd Nor Mamatⁱⁱ & Fatin Nabilah Abdul Wahidⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. wallie.albakri@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. mohdnoor@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. afatinna@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 15. April 2026

Revised: 30 April 2026

Accepted: 30 May 2026

Abstract	<i>The digital era has brought profound transformation to the educational landscape, including Islamic education, which now faces new challenges such as the erosion of values, integrity crises, and imbalance between knowledge development and moral formation. While digital technologies provide opportunities for borderless knowledge access, interactive pedagogy, and innovative learning, they also risk undermining adab and weakening disciplinary integrity. This study is grounded in Ibn Khaldun's thought, particularly his concepts of gradual learning (tadarruj), the acquisition of skills (malakah), and the centrality of adab. The aim of this study is to formulate a conceptual framework for future-oriented Islamic education capable of withstanding the challenges of the digital era. The study employs a conceptual literature analysis approach, emphasizing the teacher's roles as murabbi (nurturer), muallim (knowledge transmitter), muaddib (discipline and adab cultivator), mursyid (spiritual guide), and mudarris (instructor) as the foundation for integrity-based educational innovation. The analysis highlights that Ibn Khaldun's ideas remain highly significant in strengthening strategies for Islamic education that not only respond to digitalization but also elevate integrity, competitiveness, and resilience within the Muslim community. The implications of this study are crucial for reinforcing the professional identity of teachers, cultivating students who are intellectually and ethically balanced, and guiding policymakers in shaping an Islamic education trajectory that integrates values with innovation.</i> Keywords: Education, Digital, Era, Ibn Khaldun, Innovation.
Abstrak	<i>Era digital masa kini telah membawa transformasi besar terhadap landskap pendidikan, termasuk Pendidikan Islam yang berdepan cabaran baharu seperti keterhakisian nilai, krisis integriti dan ketidakseimbangan antara pembangunan ilmu dengan pembentukan akhlak. Walaupun teknologi digital menawarkan peluang kepada capaian ilmu tanpa sempadan, pedagogi interaktif dan inovasi pembelajaran, ia juga berisiko melemahkan disiplin ilmu</i>

	<i>serta melonggarkan adab. Berdasarkan pemikiran Ibnu Khaldun, khususnya konsep pembelajaran berperingkat (tadarruj), pembentukan kemahiran (malakah) dan penekanan terhadap adab, kajian ini bertujuan merumuskan satu kerangka konseptual Pendidikan Islam masa depan yang berdaya tahan dalam menghadapi era digital. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis literatur secara konseptual dengan menekankan peranan guru sebagai murabbi, muallim, muaddib, mursyid dan mudarris sebagai teras kepada inovasi pendidikan berintegriti. Hasil analisis menunjukkan bahawa pemikiran Ibnu Khaldun kekal signifikan dalam memperkukuh strategi pendidikan Islam yang bukan sahaja responsif terhadap digitalisasi, malah mampu melonjakkan integriti, daya saing dan ketahanan ummah. Implikasi kajian ini penting untuk memperkukuh identiti profesional guru, membentuk pelajar yang seimbang dari segi intelek dan akhlak, serta memberi panduan kepada pembuat dasar dalam merangka hala tuju pendidikan Islam berasaskan nilai dan inovasi.</i> Kata kunci: Pendidikan, Digital, Era, Ibnu Khaldun, Inovasi.
--	--

PENDAHULUAN

Pendidikan Islam merujuk kepada satu proses yang menyeluruh dalam membimbing dan membangunkan potensi manusia berdasarkan prinsip wahyu, meliputi aspek intelektual, rohani, emosi dan akhlak. Matlamat utamanya bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi membentuk insan yang seimbang dan beradab, yang mampu mengharmonikan hubungan dengan Allah SWT, sesama manusia dan alam sekitar.

Dalam konteks ini, tujuan pendidikan bukan hanya melahirkan individu yang berpengetahuan, tetapi membentuk insan yang memiliki kesedaran diri, keutuhan nilai serta keupayaan membuat pertimbangan berasaskan hikmah. Pemikiran tokoh-tokoh klasik Islam memainkan peranan penting dalam memperkukuh asas falsafah pendidikan yang bersifat holistik dan berteraskan nilai. Antaranya, Ibnu Khaldun tampil sebagai sarjana yang memberikan sumbangan signifikan dalam memahami pendidikan sebagai proses pembangunan insan dan pembinaan tamadun.

Perkembangan teknologi maklumat pada abad ke-21 telah membawa perubahan besar terhadap landskap pendidikan global (Maziahtusima et al., 2020). Kemunculan teknologi digital seperti kecerdasan buatan (AI), pembelajaran dalam talian dan platform interaktif yang pelbagai telah mengubah cara manusia memperoleh, mengurus dan menilai ilmu (Nur Azaliah, 2024).

Pembelajaran kini tidak lagi terikat pada ruang fizikal bilik darjah, sebaliknya berlangsung dalam ekosistem maya yang menembusi batasan geografi dan masa. Transformasi ini membolehkan penyebaran ilmu berlaku secara lebih cepat dan interaktif. Walau bagaimanapun, kemajuan ini turut menimbulkan pelbagai persoalan kritikal terhadap falsafah, nilai dan matlamat pendidikan, khususnya dalam konteks Pendidikan Islam.

Sistem pendidikan Islam tidak sekadar berperanan memindahkan maklumat, tetapi bertujuan membina insan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dalam konteks ini, perkembangan pesat pendidikan berasaskan digital telah mencetuskan satu bentuk ketegangan baharu dalam wacana pendidikan, khususnya berkaitan penggunaan teknologi tanpa menjejaskan nilai, adab serta integriti keilmuan.

Situasi ini menuntut satu penilaian semula terhadap hala tuju dan tujuan Pendidikan Islam agar terus relevan serta mampu bertahan dalam persekitaran digital yang kompleks, yang turut membawa cabaran dari sudut moral dan kefahaman epistemologi.

Perkembangan digital telah mengubah secara signifikan landskap pemerolehan ilmu dalam pendidikan, sekali gus mengalihkan semula peranan tradisional guru dan pelajar. Autoriti guru sebagai sumber utama pengetahuan semakin dicabar oleh keterbukaan akses maklumat dalam talian, manakala pelajar semakin bertindak sebagai agen autonomi yang bukan sahaja memperoleh, tetapi juga menilai kesahihan dan makna

sesuatu maklumat (Miftachul Huda et al., 2024). Perubahan ini mencerminkan peralihan paradigma dalam struktur pendidikan yang menuntut penyesuaian semula dari sudut pedagogi dan nilai keilmuan.

Walaupun transformasi ini sering dianggap selari dengan tuntutan pembelajaran abad ke-21, realitinya ia turut mencetuskan krisis yang lebih mendalam, khususnya dari sudut autoriti keilmuan, pemudaran adab dalam hubungan pedagogi, serta peningkatan risiko pelanggaran integriti akademik. Fenomena seperti pembelajaran dangkal, lambakan maklumat tanpa penapisan yang jelas, serta kebergantungan kepada media digital telah mengubah orientasi pembelajaran daripada penghayatan mendalam kepada pemerolehan maklumat secara segera dan bersifat permukaan.

Isu ini menimbulkan jurang konseptual yang signifikan. Sebahagian besar pendekatan sedia ada cenderung menekankan integrasi teknologi dari sudut pedagogi dan kemahiran digital, namun kurang memberikan perhatian terhadap kerangka nilai dan falsafah yang mengawal penggunaan teknologi tersebut. Kekosongan ini menuntut kepada suatu kerangka pemikiran yang bukan sahaja responsif terhadap inovasi, tetapi juga berupaya memelihara dimensi adab, integriti dan tujuan sebenar pendidikan.

Sehubungan itu, pemikiran Ibnu Khaldun menawarkan asas teoretikal yang berpotensi mengisi jurang tersebut melalui pendekatan yang menyeimbangkan antara proses pembelajaran, pembentukan kemahiran dan pengukuhan nilai. Dalam *al-Muqaddimah*, beliau menegaskan bahawa pendidikan perlu dilaksanakan secara berperingkat melalui konsep *tadarruj*, diperkukuh dengan latihan berterusan sehingga membentuk *malakah*, serta dipandu oleh adab sebagai asas kepada pembinaan ilmu dan tamadun.

Berbanding dengan pendekatan kontemporari yang lazimnya berorientasikan teknologi, kerangka pemikiran Ibnu Khaldun meletakkan manusia sebagai entiti teras yang dibangunkan secara menyeluruh merangkumi dimensi intelektual, rohani dan moral. Sehubungan itu, penerapan prinsip-prinsip tersebut dalam persekitaran digital tidak seharusnya difahami sebagai usaha mengadaptasi teknologi semata-mata, sebaliknya merupakan suatu proses penstrukturan semula paradigma pendidikan Islam agar kekal berpaksikan nilai, sesuai dengan tuntutan semasa, serta berupaya menghadapi cabaran global secara berdaya tahan.

Dalam konteks pendidikan Islam era digital, dua ketegangan utama semakin jelas, iaitu antara keterbukaan akses ilmu dengan risiko keterhakisan adab, serta antara inovasi teknologi dengan pemeliharaan nilai rohani (Aini Nasrin et al., 2024). Ledakan maklumat tanpa bimbingan berpotensi menghasilkan pembelajaran yang bersifat dangkal dan tidak berakar, manakala penggunaan teknologi yang tidak terkawal boleh melemahkan disiplin akademik dan membuka ruang kepada pelanggaran integriti.

Dalam keadaan ini, peranan guru sebagai pemegang taruh etika dan pembimbing makna menjadi semakin signifikan dalam memastikan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Namun demikian, perbincangan dalam literatur semasa didapati lebih tertumpu kepada aspek teknikal dan pedagogi digital, tanpa mengaitkannya secara mendalam dengan asas falsafah pendidikan Islam. Keadaan ini mewujudkan jurang konseptual dalam menghubungkan pemikiran Ibnu Khaldun seperti *tadarruj*, *malakah* dan adab dengan realiti pembelajaran digital masa kini.

Sehubungan itu, kajian bertajuk *Melonjakkan Pendidikan Islam Masa Depan Menghadapi Era Digital Berteraskan Pemikiran Ibnu Khaldun* berusaha untuk mengangkat kembali pemikiran klasik Islam sebagai asas rujukan dalam merangka hala tuju pendidikan masa depan yang lebih seimbang dan berdaya tahan. Kajian ini menekankan bahawa usaha memajukan Pendidikan Islam tidak boleh dibataskan kepada penerapan teknologi semata-mata, tetapi perlu dilihat sebagai satu proses menyusun semula makna pendidikan sebagai pembinaan insan secara menyeluruh.

Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi signifikan kepada pembangunan kurikulum, amalan pedagogi serta dasar pendidikan Islam yang lebih

seimbang antara inovasi teknologi dan keutuhan nilai, sekali gus memperkukuh kedudukan pendidikan Islam dalam menghadapi cabaran global masa hadapan.

PERNYATAAN MASALAH

Terdapat dua isu utama yang perlu diberi perhatian dalam konteks Pendidikan Islam era digital. Pertama, wujud pertentangan antara akses ilmu tanpa sempadan dengan risiko keterhakisian adab. Ledakan maklumat yang tidak ditapis boleh menyebabkan pelajar memperoleh ilmu secara dangkal jika tidak dibimbing dengan cara yang betul. Kedua, muncul dilema antara inovasi teknologi dengan pemeliharaan nilai rohani.

Walaupun teknologi digital memperkayakan pedagogi melalui pendekatan interaktif, namun dalam masa yang sama boleh melemahkan disiplin akademik dan penghayatan spiritual seseorang pelajar. Nur Azaliah (2024) menegaskan bahawa kemajuan teknologi telah mengubah hampir semua aspek kehidupan manusia.

Antara cabaran yang dihadapi termasuklah penyebaran maklumat palsu dan pengaruh negatif media sosial, yang menjejaskan nilai moral dan adab pelajar. Dalam konteks ini, peranan guru amat signifikan dan menjadi penentu sama ada teknologi menyokong atau menenggelamkan matlamat pendidikan Islam. Namun begitu, kajian terdahulu lebih menumpukan kepada penggunaan teknologi dalam aspek pedagogi tanpa mengaitkannya secara mendalam dengan falsafah pendidikan Islam klasik.

Masih kurang penyelidikan yang menghubungkan pemikiran Ibnu Khaldun, khususnya konsep *tadarruj*, *malakah* dan *adab*, dengan keperluan pembentukan adab digital dalam ekosistem pembelajaran moden. Justeru, kajian ini berhasrat meneliti semula pemikiran Ibnu Khaldun sebagai asas konseptual bagi merumuskan strategi pendidikan Islam masa depan yang seimbang antara kemajuan teknologi, integriti ilmu dan kesejahteraan insan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan merumuskan satu kerangka konseptual Pendidikan Islam masa depan yang mampu menyesuaikan diri dalam menghadapi era digital berteraskan pemikiran Ibnu Khaldun. Secara umumnya, kajian ini bertujuan:

- i. Mengenalpasti konsep *tadarruj*, *malakah* dan *adab* sebagai asas dalam membentuk strategi pedagogi berteraskan teknologi digital.
- ii. Menganalisis pendekatan lima peranan guru (*murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *mursyid*, *mudarris*) sebagai pemacu integriti dan inovasi Pendidikan era digital.
- iii. Mencadangkan indikator amalan bagi reka bentuk pengajaran dan penilaian dalam konteks pendidikan digital.

SOROTAN LITERATUR

Pemikiran Ibnu Khaldun memberikan sumbangan yang signifikan dalam memahami pendidikan sebagai satu proses pembangunan insan yang menyeluruh dan berteraskan nilai. Dalam karya agungnya *al-Muqaddimah*, beliau menegaskan bahawa pendidikan tidak boleh dilihat sekadar sebagai penyampaian maklumat, tetapi sebagai satu proses berstruktur yang membentuk keupayaan intelektual, disiplin diri serta keperibadian pelajar (Hakimul Ikhwan, 2004).

Pendekatan ini memperlihatkan bahawa pendidikan menurut Ibnu Khaldun bersifat dinamik dan berorientasikan pembentukan insan yang mampu berfungsi dalam konteks sosial dan tamadun. Salah satu konsep utama yang diketengahkan oleh Ibnu Khaldun ialah *tadarruj*, iaitu pembelajaran yang berlaku secara berperingkat. Beliau berpendapat bahawa ilmu tidak boleh disampaikan secara sekaligus dalam bentuk yang kompleks, sebaliknya perlu disusun secara bertahap bermula daripada pemahaman asas kepada penguasaan yang lebih mendalam.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu pelajar memahami sesuatu ilmu dengan lebih sistematik, tetapi juga mengelakkan kekeliruan serta tekanan kognitif yang boleh mengganggu proses pembelajaran (Muh. Sya'rani, 2021). Dalam konteks ini, *tadarruj*

menekankan kepentingan kesesuaian antara tahap perkembangan pelajar dengan kandungan pembelajaran yang disampaikan.

Selain itu, Ibnu Khaldun turut memperkenalkan konsep *malakah*, iaitu pembentukan kemahiran dan kecekapan dalaman melalui latihan berterusan dan pengalaman yang berulang. Menurut Joni Tamkin dan Che Zarrina (2009), istilah tersebut membawa pelbagai pengertian bergantung pada konteks penggunaannya. Ibnu Khaldun berpendapat, *malakah* ditafsirkan sebagai bentuk kecekapan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, kepakaran, bakat semula jadi, kebiasaan serta keupayaan untuk memahami dan menguasai sesuatu bidang.

Mohd Syaubari (2017) pula menegaskan bahawa *malakah* ialah keupayaan intelektual dan kemahiran yang terbina melalui proses latihan, pengalaman dan pengulangan yang menjadi asas kepada pembinaan pemikiran rasional dan hikmah dalam diri pendidik. Pandangan ini memperkukuh hujah bahawa *malakah* lahir daripada integrasi antara ilmu, pengalaman dan pembiasaan, bukan daripada penguasaan teori semata-mata.

Di samping itu, aspek adab turut diberi penekanan sebagai asas kepada keilmuan dan pembinaan tamadun. Ibnu Khaldun melihat bahawa tanpa adab, ilmu yang dimiliki boleh kehilangan arah dan tujuan, seterusnya menjejaskan keseimbangan antara pengetahuan dan akhlak. Krisis adab yang timbul dalam era digital tidak wajar dilihat sebagai isu individu semata-mata, sebaliknya perlu difahami sebagai masalah yang berpunca daripada sistem pendidikan itu sendiri.

Sistem pendidikan yang kurang memberi penekanan terhadap penghayatan dan pembudayaan adab berisiko melahirkan generasi yang cemerlang dari segi intelektual, namun lemah dalam aspek tanggungjawab moral dan etika (Veney Eka, 2025). Dalam konteks semasa, pendidikan Islam dilihat cenderung memberi tumpuan kepada pencapaian akademik dan keperluan pentadbiran, manakala usaha pembinaan sahsiah tidak diberikan perhatian yang seimbang.

Kedadaan ini menyebabkan nilai-nilai adab, yang sepatutnya menjadi teras dan roh kepada pendidikan Islam, semakin terpinggir dalam pelaksanaan pendidikan secara praktikal. Secara keseluruhannya, pemikiran Ibnu Khaldun memperlihatkan satu kerangka pendidikan yang menekankan keseimbangan antara proses pembelajaran, pembentukan kemahiran dan pengukuhan nilai.

Ketiga-tiga konsep utama ini, iaitu *tadarruj*, *malakah* dan adab, bukan sahaja relevan dalam konteks pendidikan tradisional, tetapi juga mempunyai potensi untuk ditafsir dan diaplikasikan semula dalam persekitaran pendidikan moden, termasuk dalam menghadapi cabaran era digital.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat analisis kandungan kualitatif konseptual dengan menganalisis dan menelusuri gagasan pemikiran Ibnu Khaldun dalam konteks pendidikan Islam serta menilai keperluannya dengan cabaran era digital masa kini. Menurut Creswell dan Creswell (2018), reka bentuk konseptual sesuai digunakan apabila penyelidik berhasrat menghuraikan konsep, idea dan hubungan teori bagi membentuk satu kerangka pemikiran baharu.

Seiring dengan pandangan Merriam (2009), pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik menelusuri makna dan konsep secara mendalam berdasarkan konteks sosial dan falsafah yang dikaji. Chua (2016) berpandangan, pemilihan reka bentuk kualitatif adalah sesuai apabila kajian bertujuan meneroka idea, memahami fenomena secara mendalam, serta membentuk teori baharu berasaskan penafsiran data.

Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data lapangan, tetapi berteraskan analisis teks dan wacana ilmiah, iaitu melalui tafsiran kritikal terhadap karya Ibnu Khaldun seperti *al-Muqaddimah*, serta perbandingan dengan pandangan sarjana kontemporari dalam pendidikan Islam dan teknologi dengan menekankan peranan guru sebagai *murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *mursyid* dan *mudarris* sebagai teras kepada inovasi pendidikan berintegriti.

Hasil akhir metodologi ini membawa kepada satu kerangka konseptual pendidikan Islam era digital berteraskan nilai yang dapat dijadikan asas rujukan kepada semua pihak termasuklah pembuat dasar dalam memperkukuh hala tuju pendidikan Islam masa depan.

DAPATAN KAJIAN

Cabaran Pendidikan Islam Dalam Era Digital

Era digital membawa peluang yang luas dalam memperkaya sistem pendidikan Islam, namun pada masa yang sama menimbulkan cabaran baharu yang menuntut kebijaksanaan dalam pelaksanaannya. Dalam konteks ini, pendidikan Islam perlu menekankan keseimbangan antara penguasaan teknologi dan pembinaan akhlak. Integrasi digital seharusnya memperkukuh fungsi pendidikan sebagai wahana pembentukan insan, bukan sekadar pemindahan maklumat.

Justeru, pendekatan Ibnu Khaldun yang menekankan keseimbangan antara ilmu, latihan dan adab boleh dijadikan asas dalam mendepani cabaran ini. Dalam konteks pendidikan Islam masa kini, penggunaan teknologi digital walaupun membawa pelbagai kemudahan dan inovasi, turut menimbulkan cabaran besar terhadap pembentukan akhlak dan adab pelajar.

Antara isu utama yang dikenal pasti ialah kecenderungan pelajar untuk menggunakan platform digital bagi tujuan selain pembelajaran (Aini Nasrin et al., 2024). Tanpa pemantauan rapi daripada guru dan ibu bapa, pelajar mudah terdorong untuk melayari laman sesawang atau aplikasi hiburan yang tidak berkaitan dengan proses pendidikan. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan tumpuan terhadap pelajaran, tetapi juga melemahkan disiplin sendiri yang menjadi asas penting dalam menuntut ilmu.

Selain itu, kebergantungan terhadap media sosial dan hiburan dalam talian mengurangkan keupayaan pelajar untuk fokus serta mengekalkan minat terhadap pembelajaran. Pelajaran yang dijalankan secara dalam talian turut mengurangkan interaksi bersemuka antara guru dan pelajar, sedangkan hubungan langsung ini amat penting terhadap proses penanaman nilai, pembentukan adab serta pembinaan *malakah* sebagaimana yang ditegaskan oleh Ibnu Khaldun.

Tanpa bimbingan rohani dan teladan daripada guru, pendidikan kehilangan ruh tarbiah yang sepatutnya ditekankan ke dalam jiwa pelajar. Tambahan pula, penggunaan bahasa tidak sopan dan singkatan tidak formal dalam komunikasi digital semakin menular dalam kalangan pelajar. Fenomena ini memberi kesan terhadap kehalusan berbahasa dan rasa hormat ketika berinteraksi, sama ada dengan guru mahupun rakan sebaya.

Dalam konteks pendidikan Islam, kehilangan adab dalam komunikasi mencerminkan kelemahan dari segi *ta'dib*, iaitu hilangnya disiplin ilmu dan penghormatan terhadap proses pembelajaran. Justeru, pemikiran Ibnu Khaldun menawarkan keseimbangan antara kemajuan ilmu dan pembentukan akhlak selaras dengan keperluan mewujudkan sistem pendidikan yang proaktif dalam membentuk pelajar yang beradab di alam digital.

Oleh itu, kesemua cabaran ini menuntut agar pendekatan pendidikan Islam era digital bukan sahaja menekankan kemahiran teknologi, tetapi juga menanamkan *adab digital* sebagai panduan moral dan etika pelajar Muslim moden, lebih-lebih lagi apabila Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menegaskan untuk memperkenalkan Pendidikan Karakter di sekolah tidak lama lagi bertujuan untuk membentuk sahsiah dan jati diri pelajar yang berketrampilan.

Konsep *Tadarruj* (Pembelajaran Secara Berperingkat)

Penurunan al-Quran secara berperingkat melalui perantaraan malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad SAW merupakan contoh jelas amalan *tadarruj* dalam dakwah Islam (Noraini, 2017). Proses penyampaian wahyu ini mengambil kira kesesuaian masa, tempat dan situasi masyarakat pada ketika itu. Ayat-ayat al-Quran diturunkan secara beransur-ansur bagi menjawab persoalan, menangani cabaran semasa serta membimbing umat Islam mengikut keperluan dan tahap kefahaman mereka.

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa proses pendidikan harus berlaku secara bertahap (*tadarruj*), agar pelajar memahami sesuatu ilmu secara mendalam sebelum beralih ke tahap seterusnya (Ibnu Khaldun, 2005). Dalam konteks era digital, prinsip *tadarruj* boleh diaplikasikan melalui reka bentuk kurikulum modular, pembelajaran adaptif dan penggunaan sistem e-pembelajaran yang menyesuaikan tahap kesediaan pelajar.

Ibnu Khaldun berpandangan, proses pengajaran perlu dilaksanakan secara bertahap dengan mengambil kira keupayaan dan peringkat umur pelajar. Beliau menekankan bahawa pengajar hendaklah terlebih dahulu memahami tahap kematangan pelajar sebelum menyampaikan sesuatu ilmu. Bagi pelajar yang masih di peringkat awal, guru digalakkan memperkenalkan ilmu secara umum dan menyeluruh terlebih dahulu. Setelah itu, barulah pelajar didedahkan kepada aspek yang lebih mendalam melalui penjelasan yang terperinci serta latihan beransur-ansur (Hisan, 2024).

Kaedah berperingkat ini bukan sahaja membantu pelajar memahami kandungan ilmu secara sistematik, tetapi juga mengelakkan kekeliruan serta membentuk kemahiran intelektual secara berterusan. Platform digital seperti *Learning Management System (LMS)* boleh dimanfaatkan bagi memantau perkembangan pelajar secara berperingkat dengan menyediakan rubrik yang jelas, penilaian berterusan, serta refleksi sendiri bagi memperkukuh kefahaman dan bukan sekadar pencapaian.

Walau bagaimanapun, keberkesanan integrasi antara AI dan *tadarruj* amat bergantung pada peranan pendidik sebagai pelaksana utama. AI tidak seharusnya dianggap sebagai pengganti guru, tetapi sebagai alat sokongan yang memperkukuh fungsi pendidik dalam membimbing pelajar dari aspek spiritual, etika dan intelektual. Guru tetap memainkan peranan sentral dalam memastikan hala tuju pendidikan Islam kekal berpaksaan nilai kemanusiaan dan ketuhanan.

Antara cabaran utama dalam pelaksanaan pendekatan ini termasuklah tahap kesiapsiagaan infrastruktur, tahap literasi digital dalam kalangan pendidik, serta keperluan terhadap dasar dan etika penggunaan teknologi dalam konteks pendidikan Islam. Oleh itu, penerapan AI berasaskan prinsip *tadarruj* perlu dilaksanakan dengan perancangan menyeluruh yang meliputi latihan profesional kepada pendidik, penggubalan kurikulum berasaskan nilai, dan mekanisme pemantauan terhadap keselamatan serta integriti data pelajar.

Konsep Malakah (Kemahiran Hasil Latihan)

Ibnu Khaldun (2005) menggunakan istilah '*malakah*' yang bermaksud 'kemahiran' dalam pelbagai aspek kehidupan meliputi aspek jasmani dan rohani manusia. Antaranya ialah kemahiran atau kearifan dari segi akidah (*malakah imaniyyah*), kemahiran kerohanian (*malakah ruhiyyah*), kemahiran ilmu (*malakah ilmiyyah*) dan kemahiran bahasa (*malakah lisaniyyah*) (El-Muhammady, 2008).

Ibnu Khaldun turut menjelaskan sebab-sebab yang menjadikan seseorang individu itu mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang iaitu *malakah* atau kemahiran yang diperolehi melalui latihan, ilmu yang jelas, perbincangan dan juga perdebatan. Seseorang perlu memahami ilmu dengan mendalam tidak sekadar menghafaz ilmu pengetahuan tersebut agar dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dengan baik dan tepat (Nurzatil Ismah, et.al, 2025).

Konsep *malakah* menggambarkan kemahiran yang terbina hasil daripada latihan berterusan. Dalam dunia digital, konsep ini sejajar dengan pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning*) dan pembelajaran sendiri (*self-directed learning*) yang memberi ruang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu secara praktikal. Guru boleh memanfaatkan simulasi maya, platform interaktif dan aplikasi latihan digital bagi membentuk kemahiran pelajar dalam konteks sebenar.

Hal ini menunjukkan bahawa teknologi tidak menafikan prinsip latihan dalam pendidikan Islam, tetapi memperluas bentuknya melalui inovasi digital yang berpaksaan nilai.

Konsep Adab Sebagai Teras Pendidikan

Bagi Ibnu Khaldun, adab merupakan syarat utama kejayaan pendidikan. Dalam konteks pendidikan digital, *adab digital* perlu ditekankan agar pelajar beretika ketika berinteraksi di alam maya. Ini termasuk adab terhadap guru di platform dalam talian, etika perkongsian maklumat dan tanggungjawab terhadap penggunaan teknologi. Pemeliharaan adab digital ini dapat dilaksanakan melalui integrasi nilai Islam dalam setiap aktiviti pembelajaran, termasuk peraturan penggunaan media sosial, dasar integriti akademik, dan pengajaran berasaskan kesedaran rohani (*spiritual awareness*) (Al-Attas, 1991).

Dalam konteks pemikiran Ibnu Khaldun, konsep *ta'dib* mempunyai kesepadanan yang jelas dengan gagasan *adab* dan *malakah* yang menjadi asas kepada falsafah pendidikannya. Ibnu Khaldun melihat pendidikan bukan sekadar proses penyampaian ilmu, tetapi sebagai usaha membentuk kemahiran dan keperibadian melalui latihan berperingkat (*tadarruj*) sehingga lahir kebiasaan ilmu dan akhlak yang mantap dalam diri pelajar (Nik Azis, 1999).

Adab menurut beliau bukan hanya soal kelakuan sopan, tetapi merangkumi disiplin intelektual dan moral yang membimbing seseorang dalam berfikir, bertindak dan menilai sesuatu berlandaskan kebenaran dan hikmah. Sementara itu, *malakah* pula merujuk kepada kemahiran dan penguasaan dalaman yang diperoleh melalui proses pembelajaran dan pembiasaan yang konsisten (Rahmad Fauzi, 2020).

Kedua-dua konsep ini saling melengkapi antara satu sama lain; *adab* menjadi asas nilai yang mengawal akal dan tindakan, manakala *malakah* menjadi hasil kepada proses latihan berterusan dalam memperoleh ilmu yang bermanfaat. Pandangan ini memperlihatkan bahawa pendidikan menurut Ibnu Khaldun bersifat menyeluruh, bukan sekadar membina kecerdasan intelektual, tetapi juga memperkukuh akhlak, disiplin dan keseimbangan rohani.

Justeru, dalam konteks pendidikan Islam masa kini, integrasi antara *ta'dib*, *adab* dan *malakah* amat penting untuk melahirkan insan yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berkeperibadian luhur, berintegriti dan mampu menghadapi cabaran era digital dengan panduan nilai Islam.

MODEL 5M SEBAGAI PEMACU INTEGRITI DAN INOVASI

Model 5M (*murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *mursyid* dan *mudarris*) yang digagaskan oleh sarjana pendidikan Islam kontemporari merupakan pengembangan semula peranan guru dalam membina insan secara menyeluruh (Rahmad Fauzi, 2020). Kelima-lima peranan ini sejajar dengan falsafah Ibnu Khaldun yang menekankan keseimbangan antara ilmu, amalan dan akhlak.

Murabbi

Firman Allah Taala:

﴿وَاخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْنِي صَغِيرًا﴾

Maksudnya, "Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kasih sayang dan ucapkanlah: Wahai Tuhanku, kasihilah mereka sebagaimana mereka telah mendidiku semasa kecil" (al-Quran. Al-Isra': 24).

Ayat ini menjadi asas kepada pengertian *murabbi*, yang berasal daripada kata dasar *tarbiyah*, membawa maksud kasih sayang, penjagaan dan didikan sejak kecil hingga dewasa (Khairul Azmi & Ab. Halim, 2007; Razaleigh Muhamat, 2014). Dalam konteks pendidikan, peranan guru Pendidikan Islam bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga mendidik, membimbing serta mengurus suasana pembelajaran secara menyeluruh yang meliputi aspek fizikal dan spiritual.

Seorang *murabbi* hendaklah memiliki kebijaksanaan, kreativiti dan kemampuan berinovasi dalam merancang serta melaksanakan kaedah pengajaran yang berkesan. Pada masa yang sama, mereka perlu bersikap reflektif terhadap amalan sendiri, menjalankan

penambahbaikan berterusan dan berperanan sebagai penyelidik demi kemajuan diri serta kesejahteraan pelajar yang dibimbingnya.

Guru sebagai *murabbi* berperanan membentuk pelajar secara menyeluruh, bukan sekadar dari segi akademik tetapi juga kerohanian dan moral. Dalam era digital, *murabbi* perlu berperanan sebagai model integriti dengan menunjukkan adab dalam penggunaan teknologi serta kebijaksanaan dalam menapis maklumat (Hasan Langgulong, 1987). Istilah *murabbi* berasal daripada kata kerja *tarbiyah*, yang membawa maksud mendidik, membesarkan serta memelihara agar seseorang berkembang menjadi insan berakhlak mulia.

Menurut Ibnu Manzur (2005) dalam *Lisan al-'Arab*, perkataan *tarbiyah* berasal daripada ungkapan *raba al-syai'* yang bermaksud sesuatu yang tumbuh atau berkembang dengan subur. *Murabbi* ditafsirkan sebagai individu yang berperanan dalam membesarkan dan mendidik, manakala Sheikh Abdullah (1930) mentakrifkannya sebagai seseorang yang memberi makan, membesarkan dan memelihara sehingga mencapai kematangan.

Secara konseptual, *tarbiyah* mempunyai pengertian yang lebih luas kerana ia merangkumi usaha berterusan manusia dalam membangunkan potensi diri melalui bimbingan, latihan dan pembentukan sahsiah. Dalam konteks pendidikan Islam, konsep *tarbiyah* berkait rapat dengan *ta'dib*, iaitu proses membentuk tingkah laku dan akhlak berasaskan panduan wahyu.

Justeru, peranan *murabbi* tidak terbatas kepada penyampaian ilmu semata-mata, malah turut merangkumi tanggungjawab membimbing, menyuburkan potensi dan membentuk keperibadian pelajar agar seimbang dari segi intelek, moral serta rohani.

MUALLIM

Sebagai *muallim*, guru perlu memastikan ilmu yang diajarkan berasaskan sumber sahih dan berautoriti. Teknologi boleh dimanfaatkan untuk menyebarkan ilmu yang benar melalui platform dalam talian, tetapi tanggungjawab menyemak kesahihan maklumat tetap perlu dikekalkan (Wan Ali Akbar et al., 2021).

Dalam konteks pendidikan Islam, *muallim* dilihat sebagai individu yang berperanan menyebarkan prinsip serta ajaran Islam yang bukan hanya untuk diamalkan oleh pelajar, tetapi juga oleh seluruh masyarakat dalam kehidupan seharian, sejajar dengan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah (Razaleigh Muhamat, 2014). Dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah, guru Pendidikan Islam pula bertindak mengikut kurikulum dan silibus yang telah ditetapkan.

Oleh itu, *muallim* yang memiliki ilmu, mengamalkan kebaikan, serta berdisiplin akan dapat menyampaikan ilmu dengan lebih tersusun dan berkesan apabila mematuhi peraturan serta tatacara bilik darjah yang telah digariskan.

MUADDIB

Dalam pandangan Islam, istilah *muaddib* berasal daripada akar kata *ta'dib*, yang membawa makna proses mendidik manusia agar menjadi Muslim yang berilmu, bertakwa, berakhlak mulia serta berperanan sebagai hamba Allah yang beriman (Razaleigh Muhamat, 2014). *Muaddib* juga difahami sebagai pendidik yang membentuk keperibadian pelajar ke arah pembaikan akhlak dan sahsiah dalaman.

Menurut Khairul Azmi dan Ab. Halim (2007), *muaddib* ialah individu yang memikul tanggungjawab dalam melaksanakan pendidikan yang berteraskan tamadun. Dalam konteks sosial, *muaddib* berperanan memberikan panduan kepada pelajar untuk mengamalkan gaya hidup yang beretika dan harmoni.

Dari sudut yang lain, pelajar dibimbing untuk menzahirkan nilai kasih sayang, menghindari perbuatan yang boleh merosakkan diri serta melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab. Sebagai contoh, pelajar diajar menunaikan solat dengan penuh *tama'ninah*, tertib dan khusyuk semata-mata kerana Allah Taala.

Menurut Rosnani Hashim (1996), seseorang guru seharusnya berperanan sebagai *muaddib*, iaitu pendidik yang mampu menanamkan nilai adab serta membentuk disiplin

dalam aspek pemikiran, jasmani dan rohani pelajar. Pandangan ini turut disokong oleh Halstead (1995) yang menjelaskan bahawa dalam tradisi pendidikan Islam, guru dihormati dan dimuliakan bukan semata-mata kerana keilmuannya, tetapi juga disebabkan oleh keperibadian dan komitmen moral yang kukuh.

Sifat-sifat ini menjadikan guru sebagai contoh teladan (*qudwah hasanah*) kepada pelajar, sehingga mereka terdorong meniru akhlak dan keteladanan guru dalam membentuk keperibadian diri yang unggul. Menurut Nik Azis (1999), konsep *ta'dib* mempunyai nilai mutlak yang berperanan penting dalam memperkukuh keimanan serta membentuk keperibadian seorang Muslim.

Ta'dib bukan sekadar proses pendidikan, tetapi suatu pendekatan yang mampu membina jiwa dan melahirkan insan yang berakhlak mulia melalui pengamalan kebajikan sebagaimana yang dianjurkan oleh Allah SWT. Dalam konteks ini, akhlak dan *ta'dib* mempunyai hubungan yang erat kerana kedua-duanya berasaskan wahyu Ilahi dan bertujuan untuk membentuk kesejahteraan rohani serta moral insan.

Sebaliknya, moral dalam konteks umum merujuk kepada tingkah laku baik yang ditentukan oleh norma sosial dan adat sesuatu masyarakat. Walaupun moral dianggap benar dan diterima dalam lingkungan tertentu, nilainya bersifat relatif dan tidak semestinya bersifat sejagat.

Oleh itu, berbeza dengan moral, konsep *ta'dib* dalam pendidikan Islam membawa dimensi yang lebih menyeluruh dan universal kerana ia berpaksikan kepada panduan wahyu serta bertujuan melahirkan insan beradab yang tunduk kepada perintah Allah SWT. Peranan *muaddib* menuntut guru menanamkan disiplin dan adab dalam kalangan pelajar, termasuk ketika berinteraksi di ruang maya. Ini boleh dicapai melalui aktiviti pembelajaran yang menggabungkan nilai moral dengan tugas digital.

MURSYID

Istilah *mursyid* berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud pemberi petunjuk atau pembimbing (Rahmad Fauzi, 2020). Perkataan ini berpunca daripada kata kerja *arsyada* atau *irsyad*, yang bermaksud memberi panduan, menunjukkan jalan yang benar serta membimbing ke arah kebaikan. Dalam al-Quran, istilah *irsyad* digunakan dalam beberapa konteks yang menekankan peranan seseorang dalam menunjukkan jalan yang lurus, menjadi pemimpin yang adil dan membimbing masyarakat ke arah kebenaran.

Oleh itu, *mursyid* dalam konteks pendidikan Islam merujuk kepada individu yang bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga membimbing pelajar secara rohani dan moral agar sentiasa berpaksikan kepada nilai kebenaran dan petunjuk Ilahi. Sebagai *mursyid*, guru perlu berfungsi sebagai pembimbing rohani yang membantu pelajar mengekalkan niat dan matlamat yang betul dalam mencari ilmu.

Pengajaran secara digital tidak menghalang hubungan spiritual antara guru dan pelajar, malah boleh diperkukuh dengan sesi refleksi, *tazkirah* maya, dan bimbingan individu. Menurut Muhammad Zulazizi (2020), seorang *mursyid* digambarkan sebagai pendidik yang telah mencapai tahap keilmuan tinggi sehingga mampu menjadi tempat rujukan, membuat pertimbangan sendiri, serta menangani isu atau kelemahan dalam sistem pendidikan yang sukar diselesaikan oleh guru lain.

Hanya segelintir guru yang benar-benar layak berperanan sebagai *mursyid*, kerana mereka bukan sahaja berfungsi sebagai *mualim*, *mudarris*, *muaddib* dan *murabbi*, tetapi turut berusaha memperkaya diri dengan ilmu baharu, menjalankan pemerhatian dan penyelidikan di dalam kelas, menambah baik kandungan ilmu dan amalan pengajaran, serta terus memperkukuh keimanan dan hubungan dengan Allah.

MUDARRIS

Istilah *mudarris* merujuk kepada individu yang berperanan sebagai pengajar atau pendidik. Perkataan ini berasal daripada kata kerja Arab *darasa* atau *tadris*, yang membawa maksud belajar, mengajar atau proses pembelajaran itu sendiri (Rahmad Fauzi, 2020). *Mudarris* merujuk kepada pendidik yang memiliki keupayaan dan keperibadian berpengaruh dalam

melaksanakan keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), bermula daripada langkah induksi hingga ke peringkat refleksi atau penilaian sendiri.

Fokus utama peranan *mudarris* ialah terhadap pelaksanaan pengajaran yang berkesan, termasuk kemahiran mempelbagaikan kaedah penyampaian, kecekapan menyesuaikan diri dengan suasana bilik darjah, penguasaan mendalam dalam bidang kepakaran, serta kebijaksanaan membuat keputusan secara profesional dan beretika (Muhammad Zulazizi, 2020).

Akhirnya, guru sebagai *mudarris* berperanan memastikan pengajaran berlangsung secara sistematik, dengan penggunaan kaedah yang efektif. Dalam konteks digital, ini termasuk pemilihan platform, bahan pengajaran interaktif dan reka bentuk pengajaran yang berstruktur untuk mencapai keberkesanan pembelajaran. Hasil analisis daripada pemikiran Ibnu Khaldun serta Model 5M yang diketengahkan membentuk satu kerangka konseptual Pendidikan Islam Masa Depan yang berteraskan nilai dan inovasi.

PERBINCANGAN

Pembentukan Kerangka Konseptual Pendidikan Islam Masa Depan

Pemikiran Ibnu Khaldun mengenai *tadarruj* (pembelajaran bertahap) dan *malakah* (penguasaan kemahiran melalui latihan berulang) dapat diterjemahkan semula dalam konteks digital melalui penggunaan kecerdasan buatan (AI) yang menyesuaikan kadar pembelajaran pelajar mengikut keupayaan dan gaya belajar individu. Kajian Muthoin dan Faliqul Isbah (2024) menegaskan keperluan sistem pendidikan Islam untuk menyesuaikan diri dengan dunia digital dengan memperkukuh literasi digital dan etika penggunaan teknologi.

Integrasi antara konsep *tadarruj* dan *malakah* dengan pendekatan pembelajaran adaptif berasaskan kecerdasan buatan (*AI-based adaptive learning*) menjadikan gagasan Ibnu Khaldun sebagai landasan kepada model pembelajaran Islam yang bersifat bertahap, sistematik serta disesuaikan dengan keperluan individu secara digital (Nur Azaliah, 2024). Pendekatan ini memperlihatkan satu inovasi baharu yang menggabungkan kekayaan falsafah pendidikan klasik Islam dengan keupayaan teknologi moden bagi melahirkan proses pembelajaran yang lebih dinamik, lestari dan berteraskan nilai.

Kerangka ini menegaskan bahawa kemajuan teknologi perlu disertai dengan kebijaksanaan dalam penggunaannya agar pendidikan Islam bukan sahaja relevan dengan era digital, tetapi juga mampu melonjakkan daya saing ummah secara beretika dan beradab. Secara tidak langsung, model pendidikan Islam masa depan yang berdaya tahan, berteknologi dan berpaksikan kemanusiaan beradab, selaras dengan pemikiran Ibnu Khaldun.

Jadual 1: Cadangan Indikator Amalan Pendidikan Islam Era Digital Berteraskan Pemikiran Ibnu Khaldun

Komponen Asas	Pendekatan Ibnu Khaldun	Indikator Reka Bentuk Pengajaran	Cadangan Indikator Penilaian
Asas Ilmu (<i>Tadarruj</i> dan <i>Malakah</i>)	<i>Tadarruj</i> (pembelajaran berperingkat) & <i>Malakah</i> (latihan berterusan)	Penggunaan AI untuk menyesuaikan tahap kesukaran mengikut keupayaan pelajar yang menekankan latihan reflektif dan pengulangan sendiri.	Penilaian berasaskan prestasi dan latihan berperingkat dengan menggunakan platform digital adaptif (contoh: kuiz automatik bertahap).
Asas Nilai (Adab dan Integriti)	<i>Adab al-'ilm</i> (etika ilmu): Integriti akademik	Penekanan nilai amanah dan tanggungjawab dalam penggunaan teknologi.	Penilaian turut mengukur aspek etika dan adab pelajar dalam interaksi digital.

Asas Bimbingan (Model 5M)	<i>Murabbi, Muallim, Muaddib, Mursyid, Mudarris</i>	Guru berperanan sebagai fasilitator digital yang membimbing secara rohani dan intelektual.	Penilaian melibatkan dimensi rohani, intelektual dan sosial pelajar.
Asas Teknologi dan Inovasi	Integrasi nilai dengan kemajuan teknologi	Reka bentuk modul yang menggabungkan elemen kognitif dan spiritual.	Penilaian berasaskan pengalaman (<i>experience-based learning</i>) dan simulasi beretika.

Jadual 1 memperincikan cadangan indikator amalan yang berperanan sebagai panduan dalam membentuk reka bentuk pengajaran serta cadangan kaedah penilaian dalam konteks pendidikan Islam era digital. Keseluruhan kerangka ini berpaksikan pemikiran Ibnu Khaldun, terutamanya prinsip *tadarruj* (pembelajaran secara bertahap), *malakah* (pembentukan kemahiran melalui latihan berterusan) dan *adab al-'ilm* (etika dalam mencari ilmu).

Ketiga-tiga konsep ini disepadukan dengan pendekatan moden seperti pembelajaran yang berasaskan kecerdasan buatan (AI) dan e-pembelajaran interaktif, sekali gus melahirkan model konseptual yang seimbang antara kemahiran teknologi dengan nilai akhlak dan tanggungjawab sosial dalam ekosistem pembelajaran digital.

Asas ilmu yang berteraskan prinsip *tadarruj* dan *malakah* menekankan keperluan proses pembelajaran progresif yang disesuaikan dengan tahap keupayaan pelajar melalui penggunaan *AI-based adaptive learning*. Pendekatan ini memastikan penguasaan ilmu diperoleh secara berperingkat, mendalam dan konsisten, selaras dengan pandangan Ibnu Khaldun bahawa kefahaman dan kemahiran sebenar hanya terbentuk melalui latihan yang berulang dan berdisiplin.

Dalam masa yang sama, asas nilai berasaskan adab dan integriti menegaskan bahawa teknologi digital perlu digunakan dengan penuh etika dan tanggungjawab. Konsep adab digital memperluas pemahaman *ta'dib* Ibnu Khaldun kepada konteks semasa dengan menekankan pentingnya pengurusan tingkah laku, komunikasi dan interaksi maya berlandaskan prinsip Islam.

Asas bimbingan pula menonjolkan Model 5M, iaitu *murabbi, muallim, muaddib, mursyid* dan *mudarris* sebagai panduan utama dalam memperkukuh peranan guru di persekitaran pembelajaran digital. Dalam kerangka ini, guru berfungsi bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi juga sebagai pemimpin intelektual yang mampu membimbing pelajar secara holistik.

Konsep Murabbi Digital Holistik menggambarkan integrasi antara nilai spiritual dan kecekapan teknologi dalam profesion keguruan Islam. Akhirnya, asas teknologi dan inovasi menekankan bahawa pembelajaran digital perlu berakar pada nilai Islam, termasuk integrasi AI yang digerakkan melalui prinsip inovasi beradab (*ethical innovation*).

Secara keseluruhan, indikator amalan yang diuraikan dalam Jadual 1 membawa nilai konseptual yang tinggi kerana menggabungkan falsafah klasik Ibnu Khaldun dengan keperluan semasa pendidikan Islam. Pendekatan ini bukan sekadar menyesuaikan teknologi dalam proses pembelajaran, tetapi turut merangka semula makna pendidikan sebagai satu proses *ta'dib* digital iaitu penggabungan ilmu, kemahiran dan adab dalam sistem pembelajaran yang seimbang antara dimensi duniawi dan ukhrawi.

Dengan kerangka ini, pendidikan Islam masa depan dijangka mampu melonjak ke tahap lebih tinggi sebagai model pendidikan bersepadu yang berteraskan nilai, inovasi dan kemanusiaan yang beradab.

PENUTUP

Dalam menghadapi realiti pendidikan era digital, para pendidik perlu bersiap siaga dan beradaptasi dengan perkembangan teknologi agar proses pembelajaran dapat

dilaksanakan dengan lebih berkesan serta menyumbang kepada pembangunan sumber daya manusia yang berdaya saing dalam menghadapi cabaran alaf baharu.

Bagi pendidik dan tenaga pengajar dalam bidang pendidikan Islam, penguasaan teknologi bukan lagi pilihan tetapi keperluan, kerana ia mampu memperkukuh kaedah pengajaran, memperluas capaian ilmu, dan meningkatkan daya saing pendidikan Islam di peringkat global. Namun, di sebalik kemajuan ini, pendidikan Islam harus tetap berpaksikan nilai dan panduan syarak.

Justeru, umat Islam perlu memperkukuh asas keimanan dan kefahaman agama dalam diri generasi muda agar mereka tidak terpengaruh dengan unsur negatif yang mendominasi dunia moden. Pendekatan ini seiring dengan pandangan Ibnu Khaldun yang menegaskan bahawa kejayaan pendidikan dan kemajuan tamadun hanya dapat dicapai apabila ilmu disertai dengan adab, latihan berperingkat (*tadarruj*), serta pembentukan kemahiran dan keperibadian (*malakah*).

Kajian ini memperkenalkan paradigma Pendidikan Islam digital berdasarkan *malakah* dan adab sebagai sumbangan baharu terhadap teori pendidikan bersepadu Ibnu Khaldun. Pemikiran Ibnu Khaldun kekal signifikan dan relevan dalam mendepani cabaran pendidikan Islam pada era digital yang serba pantas dan kompleks.

Prinsip-prinsip asas seperti *tadarruj* (pembelajaran berperingkat), *malakah* (pembentukan kemahiran melalui latihan) dan adab sebagai tunjang keilmuan dapat dijadikan asas panduan dalam membina sistem pendidikan yang bukan sahaja responsif terhadap teknologi, tetapi juga memperkukuh integriti dan daya saing ummah.

Kaedah pembelajaran *tadarruj* atau pendekatan secara berperingkat yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun menekankan proses pengajaran yang tersusun secara bertahap, bermula dengan pengenalan konsep asas, diikuti dengan penjelasan yang lebih terperinci, dan seterusnya membawa pelajar kepada tahap penguasaan ilmu yang mendalam.

Pendekatan ini juga menitikberatkan kepentingan pengulangan (*takrir*) sebagai kaedah untuk memperkukuh kefahaman dan memastikan ilmu yang diperoleh benar-benar tertanam dalam diri pelajar. Pemikiran Ibnu Khaldun ini amat selaras dengan prinsip pendidikan Islam yang berteraskan nilai kemanusiaan, di mana pelajar dilihat memiliki potensi unik dan perlu dibimbing secara berperingkat mengikut tahap keupayaan serta kesediaan mereka.

Teknologi AI mampu menyesuaikan penyampaian kandungan dan kaedah pengajaran mengikut keperluan, gaya, serta kadar pemahaman setiap pelajar. Hal ini bertepatan dengan nilai-nilai Islam seperti kasih sayang, keadilan dan penghormatan terhadap potensi individu. Oleh itu, integrasi antara metodologi klasik yang diasaskan oleh Ibnu Khaldun dengan inovasi teknologi moden mampu melahirkan model pendidikan Islam yang lebih berkesan, berperikemanusiaan serta relevan dalam mendepani cabaran zaman digital.

Pendidikan Islam masa depan perlu beranjak daripada paradigma reaktif kepada paradigma proaktif, dengan menjadikan inovasi teknologi sebagai alat untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran, bukan sebagai matlamat semata-mata. Dalam kerangka ini, Model 5M (Murabbi, Muallim, Muaddib, Mursyid dan Mudarris) mampu dijadikan panduan praktikal dalam merangka hala tuju baharu pendidikan Islam yang bersepadu antara dimensi intelektual, spiritual dan moral.

Bagi memastikan kerangka ini benar-benar berfungsi dalam konteks semasa, kajian lanjutan perlu dijalankan untuk menilai keberkesanan aplikasi model ini secara empirikal di bilik darjah digital. Kajian sedemikian bukan sahaja dapat memperkukuh teori berasaskan pemikiran Ibnu Khaldun, tetapi juga membuka ruang kepada pembangunan ekosistem pendidikan Islam yang holistik, dinamik dan berakar pada nilai-nilai ketamadunan Islam.

Kajian di masa hadapan juga boleh memfokuskan kepada pembangunan modul Latihan guru berasaskan Model 5M Digital bagi menguji keberkesanan pendekatan ini dalam meningkatkan profesionalisme pendidik. Keunggulan guru Pendidikan Islam yang

digariskan dalam konsep 5M adalah selaras dengan pandangan para sarjana pendidikan Islam yang menegaskan bahawa seorang pendidik perlu memiliki sifat kepimpinan, keperibadian mulia, kasih sayang serta budi pekerti yang luhur.

Ciri-ciri ini bukan sahaja memperlihatkan ketinggian akhlak, tetapi juga mencerminkan tanggungjawab moral dan profesional yang perlu dipikul oleh seorang guru dalam membimbing serta memimpin pelajarnya ke arah pembentukan insan seimbang.

Secara keseluruhannya, matlamat pendidikan tidak dapat dipisahkan daripada usaha membentuk sahsiah pelajar. Oleh itu, dalam apa jua bentuk atau medium penyampaian ilmu, sama ada secara konvensional mahupun melalui platform digital, peranan guru dalam mendidik dan membina keperibadian pelajar tidak boleh diketepikan. Aspek pembangunan sahsiah perlu kekal menjadi teras utama pendidikan, khususnya dalam konteks Pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara ilmu, iman dan akhlak.

Kebijaksanaan dalam melaksanakan amanah pendidikan dengan penuh hikmah dan kasih sayang akan melengkapkan peranan guru sebagai pendidik yang profesional dan berwibawa. Profesionalisme ini seterusnya menjadikan golongan pendidik sebagai teladan terbaik dalam usaha merealisasikan matlamat pendidikan Islam secara menyeluruh (kaffah), iaitu melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan beradab berdasarkan panduan wahyu.

Pemikiran Ibnu Khaldun memberikan panduan penting bahawa kemajuan teknologi dan pembaharuan pendidikan harus diseimbangkan dengan pembentukan akhlak serta keutuhan spiritual. Hanya melalui keseimbangan inilah pendidikan Islam masa depan dapat dilonjakkan ke tahap yang lebih dinamik, berintegriti dan berperanan sebagai teras kebangkitan semula peradaban Islam dalam dunia digital yang mencabar.

Pemikiran Ibnu Khaldun kekal signifikan dan relevan dalam mendepani cabaran pendidikan Islam pada era digital. Beliau menegaskan bahawa kejayaan pendidikan tidak hanya terletak pada penguasaan ilmu, tetapi pada keseimbangan antara intelek, rohani dan akhlak yang membentuk keutuhan insan. Dalam konteks masa kini, prinsip ini amat penting bagi memastikan pendidikan Islam tidak sekadar responsif terhadap kemajuan teknologi, tetapi juga mampu menjadi pemangkin kepada pengukuhan integriti, nilai kemanusiaan dan daya saing ummah.

Keseluruhannya, kajian ini membuka ruang baharu kepada wacana Pendidikan Islam dengan menampilkan pendekatan yang bersepadu antara falsafah dan teknologi dalam era digital. Perubahan pesat dalam era digital sudah pasti memerlukan pendekatan pendidikan yang bijaksana dan berpaksikan nilai. Di sinilah falsafah pendidikan Ibnu Khaldun memberikan arah yang jelas bahawa inovasi dan teknologi perlu diletakkan dengan penuh berhikmah.

Justeru, pendidikan Islam masa depan harus berperanan bukan hanya sebagai penerima arus digitalisasi, tetapi sebagai penggerak utama dalam membentuk masyarakat yang berilmu, berakhlak serta berdaya tahan menghadapi perubahan global berpaksikan kesejahteraan insan.

RUJUKAN

- Aini Nasrin Adlin, Nur Amanina Azman, Syasya Karmila Rosli & Syed Najihuddin Syed Hassan (2024). *Isu dan Cabaran Era Digitalisasi Maklumat dan Solusi Berdasarkan Panduan Quran dan Hadis*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9 (PASAK9 2024). 283-292.
- Chua, Y. P. (2016). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan (Edisi ke-3)*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (5th ed.)*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Hakimul Ikhwan Affandi. (2004). *Akar Konflik Sepanjang Zaman: Eloborasi Pemikiran Ibnu Khaldun*. Jogjakarta: Pustaka Pelajar.

- Halstead, Towards. (1995). *A Unified View of Islamic Education*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hassan Langgulung. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hisan Mursalin. (2024). *Analisis Konsep Pendidikan Islam Perspektif Ibnu Khaldun*. Reslaj: Religion Education Social Laa Roiba Journal. Vol. 6 (5), 2024. 3105-3116.
- Ibnu Khaldun. (2004). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Khaldun. (2005). *The Muqaddimah: An Introduction to History* (F. Rosenthal, Trans.). Princeton University Press.
- Ibnu Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (2005). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Joni Tamkin Borhan & Che Zarrina Sa'ari. (2009). *Modal Insan dan Kependudukan dalam Pembangunan Negara Menurut Ibnu Khaldun*. MIQOT Vol. XXXIII (2). 274-294. <http://dx.doi.org/10.30821/miqot.v33i2.201>
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Maziahtusima Ishak, Mohd Mursyid Arshad, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ismi Ariff Osmail, Hayati Ismail, Sakinah Ahmad, Siti Rosilawati Ramlan, Hazlina Abdullah, Noor Saazai Mat Saad & Sarifah Nurhanum Syed Shahuri. (2020). *Aspirasi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Memperkasa Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan Masyarakat*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia. 1-12.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Miftachul Huda, Abd Hadi Borham & Muhammad Iqbal Dewantara. (2024). *Opportunities and Challenges of Islamic Education in the Digital Era*. AR FACHRUDDIN Journal of Islamic Education. Vol. 1 (1), 2024. 1-11.
- Mohd Syaubari Othman, Ahmad Amir Khan Shah Ahmad @ Mohammed & Ahmad Yunus Kassim. (2017). *Konsep Malakah Ibnu Khaldun Dalam Konteks Pengajaran yang Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues. Vol. 2 (2), 2017. 12-26. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i2.15>
- Muh. Sya'rani. (2021). *Konsep Pendidikan Dalam Pemikiran Ibnu Khaldun*. Jurnal Penelitian Tarbawi: Pendidikan Islam dan Isu-isu Sosial. Vol. 6 (1). <https://doi.org/10.37216/tarbawi.v6i1.402>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2008). *Building the Human Capital in Malaysia in the Context of Malakah in Khaldunian Discourse*. Seminar Pembangunan Insan di Malaysia. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw. (2020). *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Membawa Transformasi Terhadap Mobiliti Sosial Dalam Masyarakat*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. 178-188. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.429>
- Muthoin, M., & Faliqul Isbah, F. (2024). *Digital Literacy in Islamic Education: Addressing Challenges and Opportunities*. Journal of Educational Technology and Islamic Education, 7(2), 89-102.
- Nik Azis Nik Pa. (1999). *Potensi Intelek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Mohamad, Mariam Abd Majid & Badlihisam Mohd Nasir. (2017). *Penerapan Elemen Al-Tadarruj Dalam Modul Pengajaran Saudara Baru*. Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah Special Issue (2017). 94-107.
- Nur Azaliah Mar. (2024). *Integration of Technology and Islam Education in the Digital Era: Challenges, Opportunities and Strategies*. Journal of Scientific Insight. Vol. 1 (1), 2024. 01-08.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, Kamarulnizam Sani & Asma' Abdul Halim. (2025). *Konsep Pendidikan Ibn Khaldun dan Amalan Pendidikan di Malaysia*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi. Selangor: Penerbit UIS.

- Rahmad Fauzi Lubis. (2020). *Guru Pendidikan Islam Dalam Konsep 5M*. Al-Mutharahah: Jurnal Penelitian dan Kajian Sosial Keagamaan. Vol. 17 (2). 227-237.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah di Sekolah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnani Hashim. (1996). *Educational Dualism in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sheikh Abdullah al-Bustani. (1930). *Mu'jam al-Bustan al-Lughawi*. Beirut: Al-Matba'ah al-Amerikaniyah.
- Veny Eka Yogawati. (2025). *Krisis Adab di Era Digital: Tantangan Pendidikan Islam Kontemporer (Studi Kasus Mahasiswa Unuja)*. ALMUSTOFA: Journal of Islamic Studies and Research. Vol. 2 (2). 701-710. <https://doi.org/10.23960/almustofa>
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah (2021). *Konsep Lima Mim: Persepsi Pelajar Terhadap Guru Inovatif Pendidikan Islam*. International Journal of Humanities Technology and Civilization. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i2.6978>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.